

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini
Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)**

**Pemakluman Berkaitan Keperluan Akreditasi Lembaga Teknologis Malaysia
(MBOT) Bagi Program-program Yang Diakreditasi oleh Badan
Penandatangan Lain di Bawah Seoul Accord**

[Surat Pemakluman MBOT bertarikh 26 Ogos 2025]

Ringkasan ketetapan

- i. MBOT merupakan penandatangan kepada Seoul Accord, iaitu satu perjanjian pelbagai hala antara badan-badan antarabangsa yang mengawal selia akreditasi program dan pendaftaran profesional dalam bidang *Computing & IT-related*. Selaras dengan perjanjian ini, program sarjana muda dalam bidang tersebut yang diakreditasi oleh MBOT akan diiktiraf sebagai *substantially equivalent* oleh badan penandatangan lain.
- ii. MBOT menyokong usaha PPT yang mendapatkan akreditasi tambahan daripada badan-badan antarabangsa bagi meningkatkan daya saing program di peringkat global.
- iii. Walau bagaimanapun, selaras dengan peraturan dan prosedur Seoul Accord yang diperuntukkan di bawah Perkara B.8(5)(a), program sarjana muda dalam bidang *Computing & IT-related* yang ditawarkan di Malaysia tidak boleh diakreditasi secara unilateral oleh badan penandatangan lain sebelum terlebih dahulu memperoleh akreditasi daripada MBOT.
- iv. Sehubungan itu, MBOT mempelawa institusi pengajian tinggi untuk mendapatkan akreditasi daripada MBOT bagi program yang berhasrat untuk diakreditasi oleh badan penandatangan lain di bawah Seoul Accord.
- v. Maklumat berkaitan seperti yang diterangkan di atas boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- vi. Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Kejuruteraan atau PTJ lain yang menawarkan program sarjana muda dalam bidang *Computing & IT-related* perlu merujuk kepada ketetapan ini untuk pelaksanaan dan pematuhan terhadap ketetapan terkini MBOT.

Disediakan oleh:

Pusat Jaminan Kualiti (CQA)

Pejabat Naib Canselor

Universiti Putra Malaysia

4 September 2025